

27.10.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PULAU PINANG TERIMA EMPANGAN STRATEGIK MENGKUANG YANG DIPERBESARKAN PADA 26 OKTOBER 2020

- **Keputusan untuk mengambil kembali empangan strategik Mengkuang yang diperbesarkan adalah langkah penting untuk menjamin bekalan air kepada lebih 80% permintaan air Pulau Pinang sehingga tahun 2025.**
- **PBAPP akan melepaskan simpanan air mentah Empangan Mengkuang untuk pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua pada musim kemarau tahunan ketika paras air Sungai Muda rendah.**

PULAU PINANG, Selasa, 27.10.2020: Upacara penyerahan daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang diadakan di perkarangan Empangan Mengkuang pagi semalam.

Mewakili KASA adalah YBhg Puan Hajah Azizah binti Ariffin (Timbalan Ketua Setiausaha) manakala YB Zairil bin Khir Johari (Exco Negeri Pulau Pinang bagi Infrastruktur dan Pengangkutan) mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Turut hadir menyaksikan upacara penting ini adalah YB Dr. Norlela Ariffin (Exco Negeri Pulau Pinang bagi Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan), YB Steven Sim (MP, Bukit Mertajam), YB Dato' Norazmi bin Mohd Narawi (Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang), YBhg. Dato' Ahmad Faizal Abdul Rahman (CEO, SPAN), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamad (Datuk Bandar, MPSP) dan pegawai-pegawai tinggi dari KASA, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP.

Keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil kembali Empangan Mengkuang yang diperbesarkan dari Kerajaan Persekutuan semalam adalah langkah strategik yang perlu untuk melindungi kepentingan

631,250 pengguna air berdaftar di Pulau Pinang sehingga 2025.

Kapasiti efektif maksimum Empangan Mengkuang telah dinaik taraf dari 22 bilion liter menjadi 73.5 bilion liter, iaitu kira-kira 27 kali ganda kapasiti Empangan Air Itam. Pada 26.10.2020, kapasiti efektif Empangan Mengkuang adalah 91.4%.

Sumber air mentah utama Pulau Pinang adalah Sungai Muda. Lebih daripada 80% air mentah yang diperlukan oleh Pulau Pinang setiap hari diabstrak dari Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang, dalam sempadan negeri Pulau Pinang. Air mentah diabstrak dari Sungai Muda dan disalurkan melalui Terusan Sungai Dua sejauh 14.0km untuk rawatan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, paras Sungai Muda agak rendah pada musim kemarau setiap tahun. Apabila PBAPP tidak dapat mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda untuk mengekalkan pengeluaran yang optimum di LRA Sungai Dua, bekalan air mentah perlu ditambah dengan melepaskan simpanan air Empangan Mengkuang. Ini adalah langkah penting untuk menjamin bekalan air yang mencukupi di Pulau Pinang ketika musim kemarau.

Dalam erti kata lain, simpanan air mentah di Empangan Mengkuang berfungsi sebagai “sokongan bekalan air mentah strategik” ketika musim kemarau. Memiliki sehingga 73.5 bilion liter air mentah memastikan Pulau Pinang mempunyai air mentah yang mencukupi untuk memenuhi permintaan pada musim kemarau.

Menangani ancaman terhadap kelestarian bekalan air

Dalam tempoh dari 1.9.2019 - 18.9.2019, hujan adalah luar biasa rendah di Pulau Pinang. Jumlah hujan adalah 33.8% lebih rendah daripada purata hujan untuk tempoh yang sama dalam 3 tahun iaitu pada tahun 2017, 2018 dan 2019.

Hujan yang rendah berkemungkinan besar berpunca daripada perubahan iklim.

Salah satu daripada pelan kontingensi utama kami adalah mengoptimumkan pengeluaran air terawat untuk memenuhi permintaan bekalan air di Pulau Pinang.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Untuk itu, PBAPP telah melaksanakan projek Saluran Paip Berkembar Dasar Laut ke-3 Pulau Pinang (PTSP3), yang dijadualkan beroperasi pada Disember 2020. PTSP3 ini mempunyai kapasiti untuk membekalkan 315 juta liter sehari ke Pulau Pinang dari LRA Sungai Dua.

Dalam konteks ini, kelestarian bekalan air yang berterusan di Pulau Pinang bergantung kepada dua faktor utama:

- Ketersediaan air mentah dari Sungai Muda, disokong oleh simpanan air Empangan Mengkuang untuk mengekalkan kapasiti rawatan optimum di LRA Sungai Dua; dan
- Pengepaman air terawat yang cekap dan berkesan dari LRA Sungai Dua ke pulau, melalui saluran paip berkembar dasar laut sedia ada dan PTSP3 yang baharu.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



26.10.2020 : MENGKUANG DAM EXPANSION PROJECT HANDOVER CEREMONY



26.10.2020 : MENGGUANG DAM EXPANSION PROJECT HANDOVER CEREMONY